



UPM Menang 2 Anugerah Khas dan 5 Pingat Emas ITEX



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Abu Bakar Salleh (berbaju ungu, tengah) bersama semua pemenang UPM di ITEX 2010.

KUALA LUMPUR, 15 Mei - Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meraih 2 anugerah khas, 5 pingat emas, 6 pingat perak dan 1 pingat gangsa di pameran International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2010 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Prof. Dr. Jinap Selamat dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan memenangi pingat emas dan anugerah khas, *Best Women Inventor* dari International Federation Inventor Association (IFIA) Cup melalui produk *Efficient Mercury Removal Solution* (EMRS).

"EMRS ialah ciptaan pertama di dunia yang menggunakan bahan penceraup merkuri untuk membersihkan ikan daripada bahan toksik merkuri," katanya.

Manakala Bakri Bakar @ Ismail dari Fakulti Rebabentuk dan Senibina memenangi pingat emas dan anugerah khas, Korean Invention Promotion Association (KIPA) melalui produk *Self Retaining Anal Speculum* (SRAS).

Produknya merupakan alat bedah yang diperbuat daripada plastik dan mempunyai tiga bahagian untuk membuka liang dubur dan rektum semasa proses pemeriksaan atau pembedahan bagi memudahkan proses pemasangan, penggunaan dan pembuangan.

Selain itu, Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul memenangi dua pingat emas melalui produk *PI12 Protease dan Psychrozim*.

"*PI12 Protease* merupakan satu enzim pemangkin yang aktif pada suhu rendah yang dikenali sebagai *protease* dan penghasilannya dapat menjimatkan tenaga serta sesuai digunakan dalam industri makanan, susu, kimia, detergen dan lain-lain lagi.

"Manakala *Psychrozim* pula merupakan enzim pemangkin pada suhu rendah yang dikenali sebagai *lipase* yang sesuai untuk digunakan dalam industri farmasi, makanan, kimia halus, detergen, kulit dan pemprosesan pulpa," katanya.

Pingat emas kelima pula dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Osumanu Haruna Ahmed dari Fakulti Sains Pertanian dan Makanan Kampus Bintulu melalui produk *Breakthrough in Isolation Of Humic Substances* yang menghasilkan *humic asid* daripada bahan buangan seperti sagu, nanas dan jerami padi untuk memerangkap nutrien dalam baja supaya tidak meruap dan dapat digunakan sepenuhnya oleh tumbuhan.



Prof. Dato' Abu Bakar bersama pemenang pingat emas UPM, dari kanan Dr. Osumanu Haruna Ahmed, Prof. Jinap Selamat dan Bakri Bakar @ Ismail.

UPM turut meraih 6 pingat perak yang dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Jayakaran Mukundan dari Fakulti Pengajian Pendidikan dengan produknya *VOPACT-RETROTEXT*, Prof. Madya Dr. Noor Akma Ibrahim dari Institut Penyelidikan Matematik (*DGRSS: Dynamic Geometric Risk Space Software*), Prof. Dr. Abdul Halim Shaari dari Fakulti Sains (*Novel High Capacitance Ceramic Material*), Prof. Madya Dr. Jamaluddin Noorzaei dari Fakulti Kejuruteraan (*Structural Control System*), Dr. Mohd Nizar Hamidon dari Fakulti Kejuruteraan (*433.92 MHz Single Port SAW-Resonator for High Temperature Applications*) dan Dr. Nashiren Farzilah Mailah dari Fakulti Kejuruteraan (*Neutral-Point-Clamped Multilevel Inverter using Space Vector Modulation*).

Manakala 1 pingat gangsa pula dimenangi oleh Prof. Dr. Anuar Kassim dari Fakulti Sains melalui produk *Novel Electromagnetic Shielding Material From Composite Organic Conductor*.

Pameran ITEX 2010 yang dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, bertemakan *Green Invention* mempertandingkan produk penyelidikan terbaik daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta, syarikat-syarikat korporat, individu serta turut mendapat penyertaan dari Hong Kong, Taiwan, Korea, Rusia, Iran dan Thailand.



Barisan penyelidik UPM yang menerima pingat perak di ITEX 2010.

Berita ini ditulis oleh Shuriati Ab. Rahim (RMC) dan disunting oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.